

LATIHAN PERKHEMAHAN TAHUNAN PASUKAN KADET BERSATU MALAYSIA (PKBM) UDARA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2017

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/1964-latihan-perkhemahan-tahunan-pasukan-kadet-bersatu-malaysia-pkbm-udara-peringkat-kebangsaan-tahun-2017

PEKAN, 19 Mei 2017 - Latihan Perkhemahan Tahunan Pasukan Kadet Bersatu Malaysia (PKBM) Udara Peringkat Kebangsaan Tahun 2017 telah diadakan di Kem PLKN Semarak, Pekan mulai 15 hingga 19 Mei 2017 kelolaan Markas Pasukan Simpanan Tentera Udara (MPSTU) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pahang. Pada tahun ini, Negeri Pahang telah dipilih sebagai tuan rumah dan melibatkan 19 buah sekolah.

Beberapa aktiviti telah dijalankan sepanjang latihan ini antaranya, Pertandingan Kawad Kaki, Pertandingan Kembara Halangan, Pertandingan Mendirikan Khemah, Ujian Kawad Kaki, Ujian Bertulis dan Ujian Baca Peta. Latihan ini telah melibatkan seramai 39 Pegawai dan Jurulatih serta 16 orang guru PKBM.

Kadet Sarjan Nor Farhanani bt Md Rashid dari SMK Jugra, Banting, Selangor telah dipilih sebagai Kadet Wanita Terbaik manakala Kadet Sarjan Mohd Nuri Irfan bin Husairi dari SMK Dato' Ismail, Pasir Puteh, Kelantan telah dipilih sebagai Kadet Lelaki Terbaik. SMK Telok Air Tawar, Pulau Pinang telah dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan Latihan Perkhemahan Tahunan PKBM Udara Peringkat Kebangsaan Tahun 2017.

Majlis Penutupan telah disempurnakan oleh YBhg Brig Jen Dato' Dr. Ismail bin Manuri TUDM, Asisten Ketua Staf Tadbir dan turut dihadiri oleh Pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia serta Jabatan Pendidikan Negeri Pahang.



